



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُونُو لُو كِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

## **TEKS UCAPAN**

**YBRS. Ts. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN  
KETUA TIMBALAN PUSTAKAWAN**

**MENJALANKAN FUNGSI KETUA PUSTAKAWAN UiTM**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN  
KONVENSYEN KIK UiTM 2023**

**25 OKTOBER 2023 (RABU)**

**ANJUNG SERI BUDIMAN  
UiTM SHAH ALAM**

**Bismillahirrahmannirahim.**

**Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.**

**[SALUTASI]**

### **Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dengan berkat limpah kurnia-Nya Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM 2023 kali ke 27 berjaya dilaksanakan pada hari ini.
2. Terima kasih dan syabas saya ucapkan kepada Jawatankuasa Pelaksana Konvensyen KIK UiTM 2023 yang berusaha menjayakan program pada hari ini.
3. Pertandingan ini adalah satu platform yang mempamerkan gabungan elemen pengurusan dan teknikal secara sinergi. Tanpa pengurusan yang cekap dan rapi, walau secanggih mana bidang teknikal yang kita miliki, tidak mungkin dapat menjamin pelaksanaan projek yang cemerlang.

**Hadirin sekalian,**

4. Sepertimana kita sedia maklum, usaha membudayakan inovasi dan kreativiti perlu diterap dengan lebih pantas dan menyeluruh menerusi penjanaaan lebih banyak idea-idea baharu. Pelaksanaan KIK ini dapat mewujudkan budaya kerja yang mantap, berinovasi, kreatif dan berpandangan jauh bagi meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.
5. Justeru itu, PTAR sebagai penganjur bagi Konvensyen KIK kali ini telah melaksanakan beberapa inisiatif penambahbaikan yang dapat dimanfaatkan untuk digunakan pada masa akan datang.
6. Bagi penganjuran KIK UiTM kali ini, PTAR mengambil pendekatan dengan pelaksanaan pendaftaran kehadiran secara atas talian melalui aplikasi MobileApp@PTAR yang membolehkan peserta mendapat notifikasi melalui telefon bimbit. Dengan pendaftaran ini maklumat kehadiran peserta akan direkodkan dalam jam latihan staf masing-masing.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

7. Antara inisiatif lain yang dibangunkan adalah Portal Konvensyen KIK UiTM. Portal ini memaparkan bukan sekadar maklumat penganjuran KIK UiTM 2023 tetapi merangkumi sejarah pelaksanaan Pembudayaan KIK atau sebelum ini dikenali sebagai KMK di UiTM bermula tahun 1985 sehingga kini. Melalui inisiatif ini juga, warga UiTM dapat menelusuri pencapaian KIK UiTM sama ada diperingkat UiTM, kebangsaan dan juga antarabangsa.
8. Selain itu, PTAR juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan repositori koleksi Dokumen KIK yang dapat membantu warga UiTM untuk merujuk kembali dokumen KIK kumpulan yang pernah bertanding di Konvensyen KIK UiTM sebelum ini. Koleksi Dokumen KIK ini memaparkan 5 halaman dokumen KIK bagi pelaksanaan projek kumpulan.
9. Inisiatif seterusnya, buat julung kalinya PTAR juga telah membangunkan sistem pemarkahan penjurian atas talian yang dapat memudahkan pengiraan markah projek inovasi setiap kumpulan. Sistem ini membantu juri untuk memastikan pemarkahan diberi secara telus menggunakan rubrik dan kriteria yang telah ditetapkan oleh InQKA.

**Hadirin sekalian,**

10. Melalui inisiatif penambahbaikan penganjuran Konvensyen KIK UiTM ini, besar harapan kami agar inisiatif ini dapat diteruskan kesinambungannya pada penganjuran KIK akan datang. Semoga inisiatif ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga UiTM.
  
11. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua kumpulan yang bertanding pada konvensyen KIK UiTM 2023 kali ini. Bagi kumpulan yang bakal meraih anugerah, jadikanlah pencapaian itu satu inspirasi untuk terus menjana idea-idea kreatif selepas ini bagi meningkatkan lagi prestasi jabatan masing-masing. Kepada yang tidak berjaya, ia bukan satu pengakhiran, teruskan berusaha menambahbaik projek yang diusahakan dan jangan tamatkan riwayat projek tersebut. Kuatkan semangat dan teruskan berusaha sehingga berjaya. Segala usaha murni ini berpaksikan satu tujuan iaitu bagi memenuhi hasrat UiTM mencapai *Globally Respected* 2024 dan seterusnya Universiti Terkemuka 2025.
  
12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjuran Konvensyen KIK UiTM 2023 yang bertungkus-lumus dalam dalam menjayakan Konvensyen KIK kali ini. Semoga KIK terus bersinar dalam

melahirkan warga yang progresif dan berdaya maju serta meningkatkan kecemerlangan UiTM di peringkat dunia.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah,**

**Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**